

**SOALAN NO: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]  
TARIKH : 3 OGOS 2017  
SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapa pegawai pihak berkuasa tempatan yang memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) setiap bulan yang telah ditetapkan oleh Kementerian untuk memeriksa restoran dan gerai makanan bagi memastikan semua restoran bebas daripada sebarang masalah seperti tandas kotor dan masalah perosak seperti tikus dan lalat.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Bagi mempertingkatkan tahap kebersihan premis makanan termasuk restoran dan gerai makanan, Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemeriksaan dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti berikut terhadap pemilik premis makanan yang tidak bersih iaitu:**

- 1) Penutupan premis tidak melebihi tempoh 14 hari di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 di mana mereka yang engkar kepada arahan ini boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit**

kesalahan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima (5) tahun atau denda atau kedua-duanya; dan

- 2) Kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Di bawah peraturan ini, terdapat 33 kesalahan yang boleh dikompaun yang meliputi aspek kebersihan am dan kebersihan khusus premis makanan, kebersihan pengendali makanan dan pengendalian makanan.

#### **Tuan Yang Di Pertua,**

Pada tahun 2016, sebanyak 131,165 premis makanan telah diperiksa dan 2,703 (2.1%) daripadanya telah ditutup. Di samping itu, sebanyak 12,770 kompaun telah dikeluarkan terhadap pengendali makanan atau pengusaha premis makanan yang tidak mematuhi mana-mana keperluan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan menetapkan bahawa setiap pegawai berkuasa di bawah Akta Makanan 1983 perlu menjalankan pemeriksaan ke atas sekurang-kurangnya 20 buah premis makanan pada setiap bulan. Secara purata, pencapaian pemeriksaan premis makanan oleh pegawai berkuasa pada tahun 2016 adalah 77%. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan berpuashati dengan pencapaian tersebut memandangkan terdapat peningkatan dalam pengeluaran kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dengan peningkatan aktiviti penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa, adalah diharapkan tahap kebersihan premis makanan di seluruh negara akan turut meningkat.